

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD

IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)

[LUMUT – PKR]

NO. SOALAN : 278

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B)
[Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menamatkan kontrak Syarikat Cengal Jati kerana gagal menyiapkan Projek Daratan Helikopter di Pulau Jarak mengikut jadual dan menyerahkan kepada firma yang bertanggungjawab.

2014

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Lumut yang sentiasa prihatin tentang projek-projek keselamatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan tahap kesiagaan dan keselamatan maritim negara dengan memastikan Projek Pembinaan Semula Infrastruktur Asas di Pulau Jarak termasuk pembinaan helipad iaitu tapak pendaratan helikopter untuk operasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi penguatkuasaan maritim lain berjalan dengan lancar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tempoh kontrak bagi pelaksanaan projek ini bermula pada tahun 2016 dan akan tamat pada tahun 2019. Jadi tidak timbul persoalan projek tersebut gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan kerana ia masih dalam tempoh pelaksanaan.

Bagi memastikan unjuran pelaksanaan projek menepati piawaian yang telah ditetapkan kerajaan, Pengawal Projek iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa melakukan mesyuarat serta lawatan tapak bersama-sama wakil ATM.

Kerajaan sentiasa memastikan semua projek yang dilaksanakan menepati skop perancangan, spesifikasi serta tempoh yang telah ditetapkan dan ini termasuklah Projek Pembinaan Semula Infrastruktur Asas di Pulau Jarak.

Sekian, terima kasih.